THE AYER MOLEK RUBBER COMPANY BHD A

lwn.

ABDUL HALIM YAHYA & CO

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
ROSILAH YOP PK
[GUAMAN NO: S-22-441-2010]
29 MAC 2013

KETERANGAN: *Anggapan bertentangan - Kegagalan memanggil saksi-saksi material - Sama ada keterangan saksi memihak kepada defendan* C

PROFESION GUAMAN: *Amalan guaman - Amalan dan kesopanan - Sama ada perlantikan sebagai peguam stakeholder adalah sah - Sama ada tugas peguamcara dilanggar - Sama ada peguamcara berhak menahan pelepasan baki dalam akaun pemegang amanah - Sama ada penyata akaun terperinci perlu direkodkan - Akta Profesion Undang-Undang, 1976, s. 94(3)(n) & (o) - Kaedah-Kaedah Akaun Peguamcara 1990, k. 11(2) & (3)* D

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Pengarah - Kapasiti bertindak sebagai pengarah - Sama ada pengarah yang telah dihukum bankrap kompeten memberi arahan - Sama ada surat perlantikan peguamcara yang ditandatangani oleh pengarah yang bankrap tidak sah dan terbatal - Sama ada lembaga pengarah syarikat menjadi functus officio apabila syarikat digulungkan* E F

Defendan telah dilantik oleh plaintif melalui surat mereka yang bertarikh 14 April 2006 untuk bertindak sebagai pemegang amanah ('stakeholder') untuk menerima hasil jualan tanah yang bernilai RM12,087,000. Walau bagaimanapun pada 7 September 2007, G lembaga pengarah plaintif, pada masa itu, telah disingkirkan melalui satu resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa dan pada 4 Mac 2002, Ismail bin Ahmad (Ismail) yang menjadi pengarah plaintif pada masa yang material telah dihukum bankrap. Defendan telah membayar keluar wang dari akaun stakeholder atas H arahan Ismail sejak 12 April 2006. Defendan juga telah menerima wang sejumlah RM600,000 untuk disimpan ke dalam akaun plaintif untuk pemulangan bayaran dari Mahkamah Tinggi. Plaintif, di bawah pengurusan lembaga pengarahnya yang baru telah mendapati bahawa defendan telah mengeluarkan 26 cek tunai dari I

akaun plaintif tanpa kelulusan plaintif. Plaintif telah menuntut untuk baki wang yang dipegang oleh defendan serta penyediaan penyataan akaun yang lengkap tetapi defendan gagal menyediakan penyataan akaun tersebut serta gagal memulangkan baki harga belian tanah dan jumlah RM600,000 tersebut kepada plaintif atas alasan bahawa baki harga belian tersebut merupakan fi guaman yang perlu dijelaskan oleh plaintif kepada defendan. Defendan sebaliknya menuntut balas terhadap plaintif dan menegaskan bahawa mereka bertindak menurut arahan yang diberikan oleh Ismail. Defendan juga menegaskan bahawa mereka bertindak sebagai pemegang amanah yang diambil alih daripada peguamcara terdahulu dan perjanjian jual beli ditandatangani oleh Ismail dan Keow Hock Sneah, pengarah syarikat tersebut pada masa yang material. Defendan berhujah bahawa tindakan plaintif adalah bertentangan dengan konsep pengurusan secara tanggungjawab bersama dan plaintif tidak menghormati keputusan plaintif terdahulu. Justeru defendan telah mengalami kerugian, kejatuhan reputasi selaku sebuah firma undang-undang dan menyebabkan premium insuran tahunan defendan meningkat tinggi. Isu-isu yang dibangkitkan antara lain adalah: (i) sama ada defendan telah dilantik dengan sempurna untuk bertindak sebagai peguamcara plaintif; (ii) sama ada defendan telah diarahkan dengan sempurna dan diberi kuasa untuk berurusan dengan akaun plaintif; (iii) sama ada defendan telah secara salah enggan membayar balik baki wang dalam akaun plaintif; (iv) sama ada defendan telah bertindak melanggar tugas mereka sebagai peguamcara plaintif; (v) sama ada defendan berhak menahan pelepasan baki jumlah tersebut disebabkan tiada bayaran "retainer"; dan (vi) sama ada plaintif berhak kepada penyata akaun yang terperinci.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos; menolak tuntutan balas defendan dengan kos):

(1) Seseorang yang bankrap tidak boleh memegang jawatan sebagai pengarah syarikat. Surat perlantikan defendan yang ditandatangani oleh Ismail pada 12 April 2006 sebagai peguamcara plaintif untuk bertindak sebagai stakeholder bagi menerima hasil jualan tanah adalah tidak sah dan terbatal. Ketika defendan membuat bayaran keluar daripada hasil wang harga belian tanah, plaintif adalah syarikat yang digulungkan dan defendan mempunyai pengetahuan tentang penggulungan ini akan tetapi defendan masih mengeluarkan cek-cek untuk bayaran. Adalah prinsip undang-undang bahawa apabila

sesebuah syarikat digulungkan, lembaga pengarah syarikat berkenaan menjadi *functus officio*. Cuma pelikuidasi yang boleh bertindak untuk syarikat yang digulungkan. (perenggan 35, 36, 55 & 56)

(2) Kegagalan defendan untuk memulangkan atau membayar balik baki harga belian tanah tersebut adalah melanggar tugas-tugasnya sebagai seorang peguam plaintif dan merupakan salah laku yang serius di bawah s. 94(3)(n) dan (o) Akta Profesion Undang-Undang 1976. (perenggan 53)

(3) Kelakuan defendan yang mengeluarkan wang RM600,000 dari akaun stakeholder plaintif semasa penggantungan perintah penggulungan syarikat tanpa persetujuan plaintif adalah satu tindakan salah laku oleh defendan. Kegagalan defendan untuk memulangkan RM600,000 kepada plaintif menyebabkan defendan telah bertindak melanggar tugas-tugasnya sebagai peguam kepada plaintiff. (perenggan 69, 70 & 71)

(4) Defendan juga telah melakukan salah laku yang serius apabila menolak fi guaman dari akaun stakeholder tanpa mengeluarkan atau gagal mengemukakan bil. Tiada sebarang penjelasan daripada defendan atas kegagalan mengemukakan dokumen berkaitan bagi membuktikan jumlah RM60,671.69. Dengan itu, hujah defendan bahawa jumlah tersebut ditahan sebagai fi guaman adalah tidak bermerit. (perenggan 63, 67 & 83-85)

(5) Defendan sepatutnya mempunyai akaun stakeholder untuk setiap pelanggannya. Plaintiff sebagai klien, berhak untuk mendapatkan penyata-penyata akaun bagi akaun stakeholder yang diurus oleh defendan bagi pihak plaintif. Ketidakpatuhan defendan mengemukakan akaun yang lengkap bertentangan dengan peruntukan k. 11(2) dan (3) Kaedah-Kaedah Akaun Peguamcara 1990 bahawa kesemua urusan mengenai akaun klien mestilah direkodkan dalam buku tunai dan ledger. (perenggan 55 & 59)

(6) Mahkamah telah mengenakan inferens bertentangan ke atas defendan atas kegagalannya memanggil Ismail kerana keterangan beliau tidak akan memihak kepada defendan. Tanpa keterangan daripada Ismail, defendan telah gagal untuk membuktikan bahawa arahan yang mereka perolehi sebenarnya adalah daripada Ismail. (perenggan 75, 78 & 79)

A (7) Tuntutan balas defendan adalah tidak bermerit kerana defendan gagal membuktikan yang beliau berhak kepada fi guaman. Tiada bil-bil yang dikemukakan selain daripada perlantikan mereka yang tidak sah dari awal lagi. (perenggan 89 & 94)

B

Kes-kes yang dirujuk:

Choong Yik Son v. Majlis Peguam Malaysia [2008] 10 CLJ 101 HC ***(dirujuk)***

David Abraham Samson Paul v. Syed Shahir Syed Mohamud & Ors [2012] 7 CLJ 830 CA ***(dirujuk)***

C *Guthrie Sdn Bhd v. Trans-Malaysian Leasing Corp Bhd [1991] 1 CLJ 9; [1991] 1 CLJ (Rep) 155 SC* ***(dirujuk)***

Ranjit Kaur S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2010] 3 CLJ 310 CA ***(dirujuk)***

Tay Tong Chew & Anor v. Abu Rahman Hj Ahmad [1984] 2 CLJ 227; [1984] 1 CLJ (Rep) 389 FC ***(dirujuk)***

D *Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye [1990] 1 CLJ 1113; [1990] 1 CLJ (Rep) 330 SC* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Bankruptcy Act 1967, s. 38(1)(d)

E Companies Act 1965, ss. 125, 236

Evidence Act 1950, s. 114(g)

Legal Profession Act 1976, ss. 94(3)(n), (o)

Solicitors' Account Rules 1990, rr. 11(2), (3)

Bagi pihak plaintif - BH Yap (Loh Mei Ching bersamanya); T/n Mah-

F *Kamariyah & Philip Koh*

Bagi pihak defendan - Mohaji Selamat (Aimi Shazwani Yaakob bersamanya); The Law Practice of Mohaji & Hazury

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

G

PENGHAKIMAN

Rosilah Yop PK:

H **Ringkasan Kes Plaintif**

[1] Plaintif menuntut terhadap defendan untuk perintah-perintah seperti berikut:

I (a) deklarasi bahawa defendan memegang segala hasil harga belian bagi pihak dan sebagai wakil plaintif;

(b) satu perintah bahawa defendan harus dengan serta-merta menyediakan keterangan penuh berkenaan semua duit yang dipegang dan masih dalam simpanan defendan, dengan butir-butir terperinci semua debit dan kredit;

(c) satu perintah untuk dengan serta merta memulangkan baki jumlah wang pemegang amanah kepada plaintif;

(d) satu perintah untuk membayar kembali:

(i) semua harga belian kepada plaintif; atau secara alternatif

(ii) satu perintah untuk memulangkan jumlah RM600,000 iaitu jumlah yang telah diterima menurut perenggan 19 pernyataan tuntutan dan RM838,840 iaitu cek-cek tunai yang telah dikeluarkan tanpa kuasa menurut perenggan 20 pernyataan tuntutan.

(e) ganti rugi am untuk ditaksirkan;

(f) faedah pada kadar 8% setahun atas jumlah penghakiman dari 18 September 2008 atau apa-apa tarikh lain yang dianggap adil dan wajar oleh mahkamah yang mulia ini sehingga penyelesaian penuh dan muktamad jumlah penghakiman;

(g) kos-kos; dan

(h) apa-apa perintah atau relif lanjut yang dianggap adil dan wajar oleh Mahkamah yang Mulia ini.

[2] Plaintif telah melantik defendan sebagai peguam plaintif sebagai pemegang amanah (stakeholder) untuk menerima hasil jualan tanah dibawah geran untuk Tanah 20419, Lot 2203, Mukim Buloh Kasap, Daerah Segamat, Johor antara plaintif dengan Bintang-Bintang Sdn Bhd. Hasil jualan tanah tersebut ialah RM12,087,000 telah dipegang oleh defendan sebagai stakeholder kepada plaintif. Baki penuh harga belian telah pun dibayar oleh pembeli. Defendan gagal untuk memberi bakinya kepada plaintif.

[3] Defendan telah menerima perlantikan plaintif itu melalui surat mereka yang bertarikh 14 April 2006. Walau bagaimanapun pada 7 September 2007, Lembaga Pengarah plaintif pada masa itu disingkirkan melalui satu resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa.

[4] Pada 4 Mac 2002, Ismail bin Ahmad yang menjadi pengarah plaintif pada masa itu telah dihukum bankrap.

[5] Walau bagaimanapun defendan telah bertindak sebagai pemegang amanah untuk hasil jualan tanah tersebut telah membayar keluar wang dari akaun stakeholder atas arahan dari Ismail bin Ahmad bermula dari 12 April 2006 lagi.

[6] Defendan pada setiap masa mendapat arahan dari Ismail bin Ahmad (yang dihukum bankrap ini) untuk membuat pembayaran keluar wang-wang plaintif dari akaun stakeholder.

[7] Defendan juga telah menerima sejumlah RM600,000 untuk disimpan ke dalam akaun plaintif untuk pemulangan bayaran dari Mahkamah Tinggi. Defendan gagal memulangkan jumlah RM600,000 kepada plaintif.

[8] Plaintif telah dibawah pengurusan Lembaga Pengarahnya yang baru mendapati yang defendan telah mengeluarkan 26 cek tunai dari akaun plaintif tanpa kelulusan plaintif. Setakat 31 Disember 2007 defendan telah menerima RM12,865,734.64 untuk akaun stakeholder untuk plaintif.

[9] Pada 18 September 2008, plaintif telah menuntut untuk baki wang pemegang amanah dari defendan serta penyediaan penyata akaun penuh membutirkan setiap dan semua debit dan kredit dari akaun plaintif dengan butir-butir, deskripsi dan tujuan bayaran-bayaran dan kepada siapa bayaran dibuat.

[10] Melalui surat defendan bertarikh 9 Oktober 2009 dan 20 Januari 2010, defendan gagal untuk memberi alasan yang memuaskan dan enggan memulangkan baki harga belian tanah dan jumlah RM600,000 kepada plaintif.

Ringkasan Kes Defendan

[11] Defendan di dalam pembelaannya menyatakan pada setiap masa, mereka bertindak membayar keluar wang plaintif yang dipegang sebagai stakeholder oleh mereka adalah atas arahan yang diberikan oleh Ismail bin Ahmad.

[12] Defendan telah dilantik oleh plaintif pada 12 April 2006 melalui surat yang telah difaks dan diposkan kepada defendan untuk defendan mewakili plaintif sebagai peguamcara plaintif untuk transaksi jual beli tanah dan untuk bertindak sebagai pemegang

amanah untuk menerima hasil harga belian bagi pihak plaintif, mengambil alih daripada peguamcara terdahulu iaitu Tetuan Bahari & Bahari. A

[13] Perjanjian jual beli tanah tersebut telah ditandatangani oleh Ismail bin Ahmad yang merupakan pengarah syarikat plaintif bersama-sama dengan Keow Hock Sneah, pengarah syarikat plaintif pada masa yang material, yang mana perjanjian jual beli tersebut adalah menjual tanah plaintif tersebut kepada Bintang-Bintang Sdn Bhd untuk harga belian sebanyak RM12,087,000 (harga belian). B

[14] Berdasarkan surat perlantikan yang telah dikeluarkan oleh plaintif tersebut, defendan beranggapan dan berandaian bahawa perlantikan tersebut adalah dibuat secara teratur dan dalam bidangkuasa plaintif. C

[15] Defendan menyatakan sepanjang tempoh yang material, plaintif melalui Ismail Ahmad telah secara berterusan memberi arahan-arahan bertulis dan arahan lisan kepada defendan dari masa ke semasa supaya defendan menyediakan cek bayaran kepada pihak-pihak ketiga lain sama ada cek kepada penerima atau cek tunai atas untuk kegunaan perjalanan pentadbiran dan perniagaan plaintif yang mana butiran-butiran lanjut mengenainya adalah dalam pengetahuan plaintif pada masa yang material. D E

[16] Defendan juga ada menerima daripada plaintif yang mana plaintif telah memasukkan wang sebanyak RM600,000 ke dalam akaun defendan atas arahan plaintif bagi kegunaan plaintif sendiri. F

[17] Namun, defendan cuma bertindak menerima arahan plaintif memegang wang tersebut atas amanah dan menjalankan semua arahan-arahan plaintif berkenaan pengurusan wang tersebut secara suci hati dari masa ke semasa. G

[18] Segala kerja-kerja yang telah dilakukan oleh defendan untuk plaintif juga adalah masih belum pernah dibayar plaintif kepada defendan walaupun jumlah retainer fee tersebut telahpun dipersetujui pihak-pihak sebelum ini. H

[19] Defendan menegaskan yang mereka telah menjalankan tugas mereka pada masa yang material tersebut sebagai peguam plaintif secara teratur dan mematuhi semua arahan yang diberikan oleh pengurusan plaintif dari masa ke semasa malah sanggup menangguhkan dari terus mengambil caj pentadbiran dan fi guaman I

(retainer fee) daripada akaun stakeholder yang berkenaan tersebut semata-mata akur dengan permintaan plaintif supaya perhatian dan fokus patut diberi kepada kelangsungan perjalanan hidup dan perniagaan plaintif terlebih dahulu.

[20] Kemudiannya, defendan telah melalui surat daripada plaintif dan Tetuan Mah-Kamariyah & Philip Koh telah meminta baki wang stakeholder tersebut dan turut menamatkan perkhidmatan defendan.

[21] Tindakan plaintif terhadap defendan adalah berhubung isu baki wang stakeholder tersebut yang mana tindakan plaintif menuntut terhadap defendan tanpa mengambil kira fakta dan mempertimbangkan kenyataan bahawa pengurusan plaintif terdahulu tidak pernah menyuruh, mengarahkan atau meminta defendan menghantar hasil baki harga belian hartanah tersebut kepada plaintif sebaliknya plaintif sendiri secara lisan, perbuatan dan tulisan masih meminta defendan kekal memegang wang hasil baki harga belian hartanah tersebut atas amanah dimana plaintif secara lazimnya akan memberi arahan-arahan bertulis dan arahan lisan kepada defendan dari masa ke semasa antara tahun 2006 hingga tahun 2010 supaya defendan menyediakan cek bayaran kepada pihak-pihak ketiga lain samada cek kepada penerima atau cek tunai untuk kegunaan perjalanan pentadbiran dan perniagaan plaintif.

[22] Malah ia juga adalah bertentangan dengan konsep pengurusan secara tanggungjawab bersama 'collective responsibility', plaintif tidak menghormati langsung keputusan pengurusan plaintif terdahulu telah menyebabkan kerugian, aib besar dan kerosakan serta kejatuhan reputasi yang teruk terhadap defendan selaku sebuah firma undang-undang yang menawarkan perkhidmatan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 kerana pihak penanggung insuran telah masuk campur dan menyebabkan premium insuran tahunan meningkat tinggi dan seterusnya menjejaskan defendan.

Penyataan Fakta-Fakta Yang Dipersetujui

[23] Penyataan fakta-fakta yang dipersetujui untuk dibicarakan adalah seperti di dalam ikatan dokumen bertanda H. Fakta-fakta tersebut adalah seperti berikut:

[24] Berikutan satu perjanjian jual beli yang bertarikh 12 April 2006 (SPA) di antara plaintif dan Bintang-Bintang Sdn Bhd (pembeli), plaintif bersetuju untuk menjual sebidang tanah di bawah Geran Tanah 20419, Lot 2203, Mukim Buloh Kasap, Daerah Segamat, Negeri Johor (tanah) kepada pembeli.

[25] Jumlah harga pembelian tanah adalah pada harga RM12,087,000 (harga belian). Selepas firma Tetuan Bahari & Bahari melepaskan dirinya sendiri pada 13 April 2006, defendan telah dikatakan dilantik untuk bertindak sebagai peguamcara plaintif berkenaan dengan SPA dan untuk bertindak sebagai pemegang amanah untuk menerima hasil daripada harga belian untuk plaintif.

[26] Pada 7 September 2007, Lembaga Pengarah plaintif pada masa itu telah disingkirkan berkenaan dengan satu resolusi yang diluluskan di Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM). Pada 16 Julai 2008, Lembaga Pengarah yang baru (iaitu pengarah-pengarah sekarang) telah mengambil alih plaintif.

[27] Defendan telah menerima jumlah wang sebanyak RM600,000. Defendan telah mengeluarkan sebanyak 26 tunai cek daripada akaun pelanggan mereka.

[28] Plaintif telah menerusi surat yang bertarikh 18 September 2008 menuntut jumlah baki dari akaun pemegang amanah daripada defendan.

Isu-Isu Yang Dipersetujui Untuk Dibicarakan

[29] Isu-isu yang dipersetujui untuk dibicarakan adalah seperti di dalam ikatan dokumen bertanda I. Isu-isunya adalah seperti berikut:

(a) Sama ada defendan dilantik dengan sempurna untuk bertindak sebagai peguamcara plaintif bagi transaksi jual beli tanah plaintif yang dipegang di bawah Geran Tanah 20419, Lot 2203, Mukim Buloh Kasap, Daerah Segamat, Negeri Johor (tanah) dan memegang hasil daripada penjualan tanah tersebut?

(b) Sama ada defendan adalah diarahkan dengan sempurna atau diberikan kuasa untuk mengeluarkan dan menerima wang dalam akaun pelanggan mereka yang kononnya sebagai amanah bagi plaintif?

(c) Sama ada defendan telah bertindak untuk kepentingan terbaik plaintif?

(d) Sama ada defendan telah bertindak tanpa kebenaran plaintif dengan mengeluarkan tunai cek daripada akaun plaintif tanpa sebarang alasan yang munasabah dan/atau inkuiri dalam keadaan kes itu?

A (e) Sama ada defendan telah secara salah enggan untuk membayar balik baki dalam akaun pemegang kepentingan kepada plaintif?

(f) Sama ada defendan telah bertindak melanggar tugas mereka sebagai peguamcara kepada plaintif?

B (g) Sama ada defendan adalah berhak untuk menahan pelepasan baki jumlah tersebut disebabkan tiada pembayaran retainer yang mana tiada bil yang dikeluarkan dan dalam apa jua keadaan sama ada yuran berupa yang dituntut oleh defendan adalah tidak munasabah dan/atau berlebihan?

C (h) Sama ada plaintif berhak kepada penyata akaun yang sepenuhnya untuk akaun pemegang amanah tersebut?

(i) Sama ada defendan berhak dan layak memperoleh relif-relif
D yang diplidkan dalam perenggan 59(a) hingga (j) pembelaan dan tuntutan balas defendan?

Penganalisaan Keterangan Dan Pendapat Mahkamah Mengenai Semua Isu-isu Diatas

E *Isu 1*

[30] Melalui penyataan fakta-fakta yang dipersetujui iaitu ikatan dokumen bertanda H adalah fakta yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak seperti berikut:

F
> Jumlah harga pembelian tanah adalah pada harga RM12,087,000 (Harga Belian). Selepas firma Tetuan Bahari & Bahari melepaskan dirinya sendiri pada 13.4.2006, Defendan telah dikatakan dilantik untuk bertindak sebagai peguamcara Plaintif berkenaan dengan SPA dan untuk bertindak sebagai pemegang kepentingan untuk
G menerima hasil daripada Harga Belian untuk Plaintif.

[31] Juga defendan di dalam pembelaan beliau akui yang defendan adalah peguamcara bagi plaintif untuk transaksi jual beli tanah di bawah geran untuk Tanah 20419, Lot 2203, Mukim Buloh Kasap,
H Daerah Segamat, Johor.

[32] SD2 di dalam keterangan beliau akui yang defendan bertindak sebagai pemegang amanah untuk menerima hasil harga belian tanah berkenaan bagi plaintif dan mengambil alih daripada Tetuan Bahari & Bahari.

I

[33] Dengan itu, saya dapati yang defendan telah dilantik oleh plaintif untuk bertindak sebagai peguamcara plaintif bagi transaksi jual beli tanah plaintif yang dipegang di bawah Geran Tanah 20419, Lot 2203, Mukim Buloh Kasap, Daerah Segamat, Johor dan memegang hasil daripada penjualan tanah tersebut untuk plaintif.

Isu 2, 3 Dan 4

[34] Dari keterangan SD1 dan SD2, apa-apa pengeluaran wang dari akaun plaintif yang defendan menjadi stakeholdernya (akaun plaintif) adalah dikeluarkan oleh defendan dengan mendapat arahan dari Ismail bin Ahmad (Ismail). Ismail merupakan pengarah plaintif pada masa material. Walau bagaimanapun pada 4 Mac 2002 Ismail telah dihukum bankrap. Defendan mempunyai pengetahuan penuh yang Ismail adalah seorang bankrap pada Ogos 2002 (ikatan C ms. 304). Perkara ini juga diakui oleh SD2 semasa beliau disoal balas.

[35] Adalah prinsip undang-undang bahawa seseorang yang bankrap tidak boleh memegang jawatan sebagai Pengarah Syarikat - rujuk s. 38(1)(d) Akta Kebankrapan 1967.

[36] Dengan itu surat perlantikan defendan yang ditandatangani oleh Ismail bertarikh 12 April 2006 sebagai peguamcara plaintif untuk bertindak sebagai stakeholder untuk menerima hasil harga jualan tanah adalah tidak sah dan terbatal.

[37] Tidak ada resolusi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah plaintif melantik defendan untuk bertindak sebagai peguam untuk stakeholder pada plaintif.

[38] Walaupun mempunyai pengetahuan yang Ismail sebagai seorang yang bankrap, defendan masih menerima perlantikan mereka melalui surat bertarikh 12 April 2006 sebagai peguam untuk bertindak untuk plaintif, mengenai dengan transaksi penjualan tanah dan penerimaan hasil jualan tanah.

[39] SD2 di dalam testimoni beliau mengatakan yang beliau terima arahan dari Ismail dan melaksanakan arahan beliau seolah-olah Ismail adalah pengarah plaintif walaupun tahu yang beliau adalah seorang bankrap.

[40] Adalah menjadi satu kesalahan statut bagi seseorang yang bankrap untuk bertindak sebagai pengarah - rujuk s. 125, Akta Syarikat 1965.

[41] Jelas di sini, defendan bertindak sebagai peguam bagi pihak plaintif yang mempunyai pengetahuan tentang tindakan Ismail tersebut yang melanggar peruntukan s. 125, Akta Syarikat 1965. Inferen yang dapat disimpulkan adalah bahawa terdapat elemen ketidakjujuran dan penipuan atau frod dipihak defendan. Defendan disini adalah sebuah firma guaman yang secara amnya perlu tahu akan tindakan-tindakan yang salah disisi undang-undang. Defendan perlu bertindak untuk menasihatkan Ismail.

[42] Tidak ada iota keterangan yang SD1 atau SD2 telah mendapat resolusi atau surat dari pengarah-pengarah lain yang tidak bankrap daripada plaintif.

[43] Dari tindakan-tindakan defendan ini, defendan telah melanggar tugas beliau sebagai peguam kepada plaintif dan gagal untuk bertindak bagi kepentingan plaintif.

[44] Defendan tidak diberi kuasa oleh plaintif untuk mengeluarkan dan menerima wang akaun plaintif yang kononnya sebagai stakeholder untuk plaintif. Defendan juga telah bertindak tanpa kebenaran plaintif dengan mengeluarkan cek-cek tunai daripada akaun plaintif.

Isu 5

[45] Defendan telah bertindak sebagai stakeholder kepada akaun plaintif walaupun perlantikan defendan sebagai stakeholder pada plaintif adalah tidak sah.

[46] Melalui surat bertarikh 18 September 2008, plaintif telah menuntut baki bayaran untuk harga belian tanah berkenaan. Walau bagaimanapun defendan tidak menjawab pada surat berkenaan.

[47] Melalui surat bertarikh 15 Januari 2010 (ikatan 'F' ms. 552) peguam plaintif telah memberi notis pada defendan menamatkan perkhidmatan defendan sebagai peguam plaintif dan menuntut untuk defendan kembalikan baki harga belian tanah berkenaan. Defendan telah menjawab surat ini melalui surat beliau yang bertarikh 20 Januari 2010 dan bersetuju untuk kembalikan baki harga belian tanah yang masih dipegang oleh defendan.

[48] Walau bagaimanapun mengikut keterangan SD2, pihak defendan tidak memulangkan baki harga belian tanah berkenaan kepada plaintif. Malahan SD1 mengakui di dalam keterangan beliau yang defendan tidak akan kembalikan baki harga belian berkenaan kepada plaintif.

[49] Bila ditanya oleh peguam plaintif, atas alasan apakah yang defendan enggan untuk pulangkan baki harga belian tersebut. Beliau menyatakan bahawa baki harga belian tersebut adalah merupakan fi guaman yang perlu dijelaskan oleh plaintif kepada defendan dan juga mereka menerima surat yang mempunyai "letterhead" yang berbeza dan meminta defendan untuk pulangkan baki harga belian tanah kepada mereka.

[50] Alasan yang diberi ini tidak dapat diterima oleh saya. Alasannya adalah bahawa melalui surat peguam plaintif bertarikh 12 Februari 2010 (ikatan 'F' ms. 554) menyatakan yang peguam plaintif melalui resolusi bertarikh 11 Februari 2010 untuk menerima baki harga belian tanah berkenaan bagi pihak plaintif (ikatan 'B' ms. 125). Walaupun defendan mempunyai pengetahuan mengenai perkara ini, tetapi defendan masih enggan untuk membayar balik baki dalam akaun plaintif kepada plaintif. Dengan perlakuan defendan ini, defendan telah bertindak melanggar tugas-tugas beliau terhadap plaintif.

[51] Berkenaan dengan pertukaran "letterhead" oleh plaintif, saya dapati perkara ini tidak menjadi isu di dalam prosiding ini.

[52] Melalui keterangan dari SD1, beliau akui yang defendan terima surat-surat dari plaintif yang mempunyai "letterhead" berbeza dari sebelum ini. Walau bagaimanapun, defendan tidak membangkitkan akan keraguan mereka kepada plaintif. Malahan defendan menjawab surat-surat plaintif yang mempunyai "letterhead" yang berbeza ini. Dengan tindakan defendan itu, menunjukkan yang mereka tidak mempunyai keraguan tentang "letterhead" yang baru dari plaintif ini. Alasan-alasan defendan ini adalah satu helah untuk mengelak daripada membuat bayaran kepada plaintif.

[53] Adalah tidak dinafikan bahawa wang yang dipegang oleh defendan sebagai stakeholder kepada plaintif adalah kepunyaan plaintif. Kegagalan defendan untuk pulangkan atau membayar balik

A baki harga belian tanah berkenaan adalah melanggar tugas-tugas untuk bertindak sebagai seorang peguam plaintif dan merupakan salah laku yang serius di bawah s. 94(3)(n) dan (o) Legal Profession Act.

B **[54]** Dengan itu saya dapati bahawa defendan telah secara salah enggan untuk membayar balik baki dalam akaun stakeholder kepada plaintif.

Isu 6

C **[55]** Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan adalah tidak dinafikan yang defendan telah pun bertindak melakukan perkara-perkara seperti berikut:

(i) Enggan Untuk Memberi Akaun Yang Lengkap Kepada Plaintif

D

- Diakui oleh SD1 di dalam pemeriksaan balas bahawa defendan sepatutnya mempunyai akaun stakeholder untuk tiap-tiap pelanggannya.

E

- Defendan adalah dilantik sebagai stakeholder untuk memegang wang stakeholder untuk plaintif. Plaintif sebagai klien defendan berhak untuk ketahui secara terperinci melalui akaun bagaimana perbelanjaan dibuat bagi akaun beliau.

F

- Defendan tidak dapat kemukakan akaun yang lengkap kepada plaintif. Malahan rr. 11(2) dan (3), Solicitors Account Rules 1990 memperuntukkan bahawa kesemua urusan mengenai akaun klien mestilah direkodkan dalam buku tunai dan ledger.

G

- Defendan gagal kemukakan buku tunai dan ledger ini kepada plaintif. Dengan itu defendan telah melanggar tugasnya sebagai peguam pada plaintif dan ini membawa kepada salah laku yang serius mengikut peruntukan

H

s. 94(3)(n) dan s. 94(3)(o) Legal Profession Act. Mengikut kes *Choong Yik Son v. Majlis Peguam Malaysia* [2008] 10 CLJ 101 dimana Abdul Malik Ishak J menyatakan:

> An advocate and solicitors has a duty to keep strict and accurate account of his clients' money .... It is a correct assertion to say that any breach of any of the rules made under the Legal Profession Act would constitute misconduct.

I

(ii) Membuat Bayaran Keluar Walaupun Terdapat Perintah Penggulungan Syarikat Terhadap Plaintif

- Bila defendan membuat bayaran keluar daripada hasil wang harga belian tanah, plaintif adalah syarikat yang digulungkan (yang mana perintah penggulungan digantungkan pada 8 Ogos 2008). Defendan tahu tentang perintah penggulungan ini tapi defendan masih mengeluarkan cek-cek untuk bayaran.

[56] Adalah prinsip undang-undang bahawa sesebuah syarikat yang digulungkan, Lembaga Pengarah syarikat berkenaan menjadi *functus officio*. Cuma pelikuidasi yang boleh bertindak untuk syarikat yang digulungkan - rujuk s. 236, Akta Syarikat. Walaupun perintah penggulungan syarikat digulungkan, defendan masih gagal membuat pembayaran kepada plaintif.

(iii) Enggan Membayar Balik Baki Harga Belian Tanah Kepada Plaintif

(iv) Melaksanakan Arahan Daripada Ismail Walaupun Defendan Tahu Yang Ismail Adalah Seorang Bankrap; dan

(v) Menerima Perlantikan Untuk Bertindak Sebagai Peguam Walaupun Surat Perlantikan Dikeluarkan Oleh Ismail Sebagai Pengarah Yang Bankrap:

- gagal untuk menasihatkan Ismail yang terus bertindak sebagai pengarah plaintif walaupun beliau bankrap;

- menolak RM435,000 dari akaun stakeholder untuk kegunaan Ismail sah tanpa arahan ataupun apa-apa bil;

- menerima RM600,000 dan dimasukkan ke dalam akaun stakeholder untuk plaintif.

[57] Dengan perlakuan-perlakuan defendan seperti di atas, beliau telah bertindak melanggar tugas beliau sebagai peguamcara plaintif.

Isu 8

[58] Adalah fakta yang tidak dinafikan bahawa defendan telah gagal untuk memberi penyata akaun atau bank yang lengkap kepada plaintif walaupun telah dipohon berkali-kali oleh plaintif.

[59] Maklumat ini amatlah penting bagi plaintif untuk mengetahui bagaimana wang plaintif yang dipegang oleh defendan sebagai stakeholder, diuruskan oleh defendan. Plaintif berhak pada penyata-penyata akaun bagi akaun stakeholder yang diurus oleh defendan bagi pihak plaintif.

Isu 7 Dan 9

[60] Dari keterangan yang dikemukakan, defendan telah menolak sebanyak RM435,000 daripada akaun stakeholder tanpa arahan plaintif atau dibilkan. Mulai 14 Jun 2006 sehingga 4 Julai 2006 terdapat tiga arahan bayaran dikatakan dibayar pada Messrs Abdul Halim & Zairus.

[61] Arahan-arahan bayaran itu adalah pada:

- 14 Jun 2006 untuk jumlah sebanyak RM35,000 (ikatan 'E' ms. 164 dan 165);
- 4 Julai 2006 untuk jumlah sebanyak RM300,000 (ikatan 'E' ms. 209 dan 210); dan
- 4 Julai 2006 untuk jumlah sebanyak RM100,000 (ikatan 'E' ms. 211 dan 212)

[62] Semuanya berjumlah RM435,000. SD1 akui bahawa tidak ada bil dikeluarkan untuk fi guaman dan tidak ada bil dikemukakan untuk jumlah RM435,000 tersebut.

[63] Defendan dengan itu telah bertindak secara salah laku yang serius dengan menolak fi guaman dari akaun stakeholder tanpa mengeluarkan atau gagal kemukakan bil untuk memberitahu plaintif akan tindakan defendan tersebut - rujuk kes *David Abraham Samson Paul v. Syed Shahir Syed Mohamud & Ors* [2012] CLJ 830 CA.

[64] Defendan juga secara salah telah membuat bayaran sebanyak RM176,940.25 kepada Ismail walaupun tahu yang beliau adalah seorang bankrap. Tidak ada butir-butir lengkap mengenai pembayaran RM176,940.25 ini kepada Ismail. SD2 di dalam keterangan beliau menyatakan RM176,940.25 ini tidak boleh dibankkan oleh Ismail kerana beliau tidak mempunyai akaun bank disebabkan beliau seorang yang bankrap.

[65] Dengan itu jumlah RM176,940.25 ini sepatutnya berada di dalam akaun stakeholder. Butir-butir terperinci mengenai jumlah RM176,940.25 adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Jumlah
1.	12.4.2006	RM42,795.87 (Ikatan 'E' ms. 21 - 22)
2.	12.4.2006	RM16,512 (Ikatan 'E' ms. 21 - 22)
3.	15.5.2006	RM16,512 (Ikatan 'E' ms. 82 - 83)
4.	15.5.2006	RM15,708 (Ikatan 'E' ms. 82 - 83)
5.	23.5.2006	RM3,197.76 (Ikatan 'E' ms. 106 -107)
6.	13.6.2006	RM16,512 (Ikatan 'E' ms. 159 -160)
7.	13.6.2006	RM5,586.70 (Ikatan 'E' ms. 159 - 160)
8.	23.6.2006	RM2,738.48 (Ikatan 'E' ms. 186 - 187)
9.	12.7.2006	RM16,512 (Ikatan 'E' ms. 248 - 249)
10.	12.7.2006	RM13,394.17 (Ikatan 'E' ms. 248 - 249)
11.	11.8.2006	RM16,512 (Ikatan 'E' ms. 349 - 350)
12.	11.8.2006	RM10,959.27 (Ikatan 'E' ms. 349 - 350)
Semuanya berjumlah RM176,940.25.		

[66] Defendan menyatakan yang mereka hanya mempunyai baki sebanyak RM60,671.69 di dalam akaun stakeholder plaintif dan jumlah ini adalah untuk fi guaman mereka.

[67] Walau bagaimanapun tidak terdapat apa-apa keterangan dokumen untuk menjustifikasikan jumlah RM60,671.69 tersebut. Dan tidak ada penjelasan daripada defendan kenapa mereka tidak dapat kemukakan dokumen berkaitan seperti penyata bank, buku tunai atau ledger bagi membuktikan jumlah RM60,671.69. Dengan itu hujah defendan yang jumlah RM60,671.69 ditahan oleh defendan sebagai fi guaman mereka adalah tidak bermerit.

[68] Defendan juga telah menerima sebanyak RM600,000 untuk dipegang sebagai stakeholder untuk plaintif. Fakta ini tidak dinafikan oleh defendan.

[69] Melalui surat bertarikh 11 September 2009 (ikatan 'F' ms. 540 hingga 542) peguam plaintif telah menulis dan bertanyakan defendan atas kapasiti apakah defendan menerima RM600,000 tersebut, defendan menyatakan melalui surat bertarikh 9 Oktober 2009 (ikatan 'F' ms. 546 hingga 547) yang mereka terima RM600,000 tersebut atas arahan pengurusan plaintif yang terdahulu. Di dalam surat defendan ini juga menyatakan yang ianya dikeluarkan dari akaun stakeholder untuk plaintif semasa penggantungan perintah penggulungan syarikat.

[70] Walau apa pun keadaan, perlakuan defendan mengeluarkan wang tersebut dari akaun stakeholder plaintif ini untuk apa tujuan sekalipun tanpa persetujuan plaintif adalah satu tindakan salah laku oleh defendan.

[71] Kegagalan defendan untuk pulangkan kembali RM600,000 ini kepada plaintif menyebabkan defendan telah bertindak melanggar tugas-tugasnya sebagai peguam kepada plaintif.

Kegagalan Defendan Untuk Memanggil Ismail Bin Ahmad Sebagai Saksi

[72] Ismail bin Ahmad merupakan saksi yang amat penting bagi kes defendan. Pada setiap masa defendan menyatakan yang segala pengeluaran wang dari akaun stakeholder yang dipegang oleh defendan adalah atas arahan Ismail.

[73] Setakat ini dibuktikan bahawa Ismail adalah salah seorang pengarah plaintif dan beliau adalah seorang yang bankrap.

[74] Adalah penting untuk beliau dipanggil untuk menyatakan adalah benar yang beliaulah yang memberi arahan dan sekiranya beliau memberi arahan beliau bukanlah seorang yang bankrap.

[75] Walaupun defendan ada mengeluarkan sapina untuk saksi ini tapi saksi ini tidak hadir ke mahkamah dengan alasan yang diberitahu pada mahkamah bahawa sapina tidak dapat diserahkan pada Ismail. Walau bagaimanapun afidavit tanpa serahan tidak difailkan. Maka dengan itu tidak ada keterangan di dalam mahkamah yang defendan telah mengambil langkah-langkah yang cukup dan munasabah untuk pastikan kehadiran Ismail sebagai saksi mereka di mahkamah.

[76] Ismail adalah saksi material bagi kes defendan. Kegagalan memanggil beliau sebagai saksi defendan membolehkan inferen bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap beliau - lihat kes *Tay Tong Chew & Anor v. Abu Rahman Hj Ahmad* [1984] 2 CLJ 227; [1984] 1 CLJ (Rep) 389, *Guthrie Sdn Bhd v. Trans-Malaysian Leasing Corp Bhd* [1991] 1 CLJ 9; [1991] 1 CLJ (Rep) 155.

[77] Ismail adalah orang yang memainkan peranan penting bagi defendan dan mempunyai pengetahuan peribadi mengenai arahan untuk apa-apa bayaran keluar dari akaun stakeholder plaintif.

[78] Defendan gagal kemukakan saksi material ini, maka mahkamah mengenakan inferen bertentangan ke atas defendan sekiranya Ismail dipanggil, beliau akan memberi keterangan yang tidak memihak pada defendan. Keterangan yang diberikan oleh SD1 dan SD2 yang arahan diperolehi dari Ismail merupakan keterangan dengar cakap.

[79] Tanpa keterangan daripada Ismail, maka saya dapati defendan gagal membuktikan yang arahan yang mereka perolehi sebenarnya adalah daripada Ismail.

Isu-Isu Yang Tidak Diplidkan

[80] Terdapat beberapa isu yang tidak diplidkan cuba dimasukkan oleh defendan. Antaranya mengenai saksi dari Jabatan Insolvensi Malaysia. Keengganan defendan untuk kembalikan baki wang dalam akaun stakeholder dan kemukakan dokumen-dokumen yang dipohon oleh plaintif kerana berlakunya pertukaran pada "letterhead" dan Ismail telah mengambil fail defendan dan tidak dikembalikan.

[81] Isu-isu ini saya tidak pertimbangkan kerana tidak diplidkan - rujuk kes Mahkamah Rayuan *Ranjit Kaur S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 3 CLJ 310; [2009] 5 MLJ 770, *Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye* [1990] 1 CLJ 1113; [1990] 1 CLJ (Rep) 330.

Tuntutan Balas

[82] Di dalam tuntutan balas defendan, defendan menuntut untuk perintah-perintah berikut:

(i) fi retainer berjumlah RM432,000;

A (ii) deklarasi yang defendan berhak untuk memohon wang yang masih berada dengan defendan (dalam akaun stakeholder) berjumlah RM60,671.69 dan sejumlah RM432,000 sebagai fi retainer mereka;

B (iii) deklarasi bahawa surat perlantikan defendan menjadi peguamcara plaintif bertarikh 12 April 2006 adalah sah;

(iv) deklarasi bahawa surat bertarikh 15 Januari 2010 menamatkan defendan sebagai peguamcara plaintif adalah tidak sah dan batal kerana tidak dibuat oleh plaintif sendiri;

C

(v) ganti rugi am dan khas;

(vi) ganti rugi teruk, teladan, kejatuhan reputasi dan malu;

(vii) faedah dan kos.

D

[83] Seperti alasan-alasan saya di awal tadi, perlantikan defendan sebagai stakeholder kepada plaintif adalah tidak sah dan terbatal. Maka defendan tidak berhak pada apa-apa fi atas kontrak yang batal.

E

[84] Perlantikan defendan sebagai peguam plaintif untuk memegang hasil jualan tanah sebagai stakeholder pada plaintif adalah ditandatangani oleh Ismail sebagai pengarah plaintif yang bankrap. Perlantikan ini adalah tidak dibenarkan oleh Akta F Kebankrapan dan juga Akta Syarikat. Jadi apa-apa fi yang dipersetujui untuk dibayar adalah tidak mengikat pihak-pihak bagi kontrak yang tidak sah.

[85] Defendan gagal buktikan yang beliau berhak kepada fi G guaman. Tiada bil-bil dikemukakan selain daripada perlantikan mereka tidak sah.

[86] Dari keterangan yang dikemukakan defendan telah menolak sejumlah RM435,000 daripada akaun stakeholder sebagai fi mereka.

H

[87] Tidak ada iota keterangan daripada defendan bagi membuktikan tuntutan beliau untuk kejatuhan reputasi dan aib malu.

I **[88]** Defendan juga memohon bahawa surat penamatan perkhidmatan defendan oleh peguam plantif bertarikh 15 Januari 2010 adalah tidak sah dan batal kerana penamatan tersebut bukan dibuat daripada plaintif sendiri.

[89] Walau bagaimanapun telah dibuktikan oleh plaintif bahawa perlantikan defendan sebagai peguam untuk stakeholder pada plaintif adalah tidak sah dari awal lagi. Jadi dengan memberi surat bertarikh 15 Januari 2010 untuk menamatkan perkhidmatan defendan tidak memberi apa-apa kesan dari segi undang-undang memandangkan perlantikan defendan tidak sah dari awal lagi.

Kesimpulan

[90] Berdasarkan pada semua alasan-alasan di atas saya dapati bahawa pihak plaintif atas imbangan kebarangkalian telah membuktikan tuntutan beliau terhadap defendan. Dan saya meluluskan tuntutan plaintif dalam perenggan 30 penyata tuntutan bagi prayer 1, 2, 3, 6 dan 7.

[91] Bagi prayer 3 diluluskan sebanyak RM1,211,940.25. Perkiraannya adalah seperti berikut berdasarkan alasan-alasan saya di atas tadi:

- Defendan menolak fi guaman secara salah berjumlah RM435,000;
- secara salah membuat bayaran pada Ismail berjumlah RM176,940.25;
- Defendan terima RM600,000 untuk dipegang sebagai stakeholder bagi plaintif dan tidak dikembalikan.

[92] Semua berjumlah RM1,211,940.25.

[93] Prayer 6, untuk faedah diluluskan atas kadar 5% setahun mulai hari ini sehingga selesai pembayaran. Kos diluluskan.

[94] Manakala tuntutan balas defendan, mahkamah dapati defendan gagal membuktikannya maka dengan itu tuntutan balas defendan ditolak oleh mahkamah dengan kos. Kos keseluruhan tindakan sebanyak RM30,000 kepada plaintif.